

## METHOD OF DA'AWAH OF PROPHET MUHAMMAD (PBUH) TO FOREIGN RULES: A STUDY ON THE SIGNIFICANCE AND THE EFFECTIVENESS OF LETTERS

(WASILAH DAKWAH NABI S.A.W. KEPADA PEMBESAR: KAJIAN TERHADAP KEPENTINGAN DAN KEBERKESANAN SURAT)

Zawawi Yusoff<sup>1</sup>, Ahmad Marzuki bin Mohamad<sup>2</sup>

### Abstract

*Da'wah is the main task of the Apostles (a.s.). The most demanding target of da'wah are the community leaders. This article discusses the preaching of da'wah of the Prophet Muhammad s.a.w. through his missionary activities to the community leaders. The study of this preaching of da'wah is done through the analysis of the Qur'anic verses and related Hadiths, including history books to identify suitable preaching technique for this group. The findings show that the Prophet s.a.w. always used tailor-made approach depending on the target group. Letters were used by the Prophet s.a.w. because of the far distance between the Prophet s.a.w and the community leaders which does not allow the occurrence of oral communication between them. However, the Prophet s.a.w. also conveyed oral messages to the community leaders through representatives who came to meet him. Based on the da'wah practices of the Prophet s.a.w., it was found that the preaching of da'wah through oral and written language communication had a great impact on the success of da'wah.*

*Keywords: da'wah; preaching of the da'wah; Community leaders; Oral and written language*

### Abstrak

*Dakwah merupakan tugas utama para Rasul (a.s.). Sasaran dakwah mereka yang paling mencabar adalah golongan pembesar. Artikel ini membincangkan wasilah dakwah Nabi Muhammad s.a.w. menerusi aktiviti dakwah baginda kepada pembesar. Penelitian mengenai wasilah dakwah ini dilakukan menerusi analisis terhadap ayat al-Quran dan Hadis yang berkaitan, termasuk kitab-kitab sirah bagi mengenal pasti bentuk wasilah yang sesuai bagi golongan ini. Dapatan kajian menunjukkan wasilah dakwah Nabi s.a.w. adalah berteraskan pendekatan menyesuaikan penggunaan wasilah dengan sasaran dakwah. Wasilah surat dipilih oleh Nabi s.a.w. kerana faktor jarak yang jauh antara baginda dengan pembesar yang tidak memungkinkan berlakunya komunikasi interpersonal antara mereka menerusi bahasa lisan. Namun demikian, baginda tetap menggunakan bahasa lisan dengan berpesan kepada wakil pembesar yang datang berjumpanya dengan pesanan-pesanan tertentu untuk disampaikan kepada pembesar mereka. Berdasarkan amalan dakwah Nabi s.a.w. didapati bahawa wasilah dakwah menerusi komunikasi bahasa lisan dan tulisan mempunyai kesan yang besar terhadap kejayaan dakwah.*

*Kata kunci: dakwah; wasilah dakwah; pembesar; bahasa lisan dan tulisan*

<sup>1</sup> Pensyarah Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin; [zawawi@unisza.edu.my](mailto:zawawi@unisza.edu.my)

<sup>2</sup> Pensyarah Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia; [amarzuki@utm.my](mailto:amarzuki@utm.my)

## PENDAHULUAN

Cara dakwah yang berjaya ialah bermula dengan mengenalpasti masalah yang dialami oleh sasaran dakwah, kemudian mengetahui apa penyelesaiannya (Zaydan 1991, 421). Berdasarkan keadaan dan tabiat sasaran dakwah yang bermacam-macam, maka setiap pendakwah mesti mengetahui terlebih dahulu sasaran yang hendak didakwahnya. Bagaimanakah pemikirannya, kefahamannya, apa penyakit atau masalahnya dan apa pula halangan-halangan yang mungkin timbul (Fathi Yakan 1977, 21-22). Justeru, mengenali *mad'u* atau sasaran dakwah merupakan salah satu prinsip utama dalam kerja dakwah ('Ali 1993, 2: 963). Seterusnya, bagi memastikan terlaksananya matlamat penyelesaian masalah golongan sasar, operasi dakwah mestilah digerakkan berdasarkan kaedah dakwah yang betul, uslub yang tepat dan wasilah yang sesuai (al-Bayanuni 1993: 283)

Antara golongan sasar dalam dakwah ialah golongan pembesar. Al-Quran telah memberikan banyak kisah pertembungan antara golongan pembesar dengan para rasul a.s. dalam misi dakwah mereka. Faktor utama yang mendorong penentangan golongan pembesar terhadap dakwah para nabi a.s. sebagaimana yang telah diceritakan al-Quran ialah sifat takbur demi mempertahankan kuasa (Al-Buti t.th., 78). Apa yang dapat dipelajari daripada kisah-kisah al-Quran tersebut, ialah berdakwah kepada golongan pembesar agak sukar berbanding golongan lain. Oleh sebab itu, penekanan perlu diberikan kepada aspek *wasilah* dakwah yang sesuai menerusi metode yang betul. Antara perkara lain yang perlu ditekankan ialah aspek yang berhubung dengan psikologi dan sosiologi selain daripada mempunyai pendekatan yang jelas tentang uslub, strategi, adab, keadaan sasaran dakwah dan sebagainya.

### Pengertian *wasilah* dakwah:

Perkataan *wasilah* berasal daripada bahasa Arab, dari segi bahasa ia bermaksud sesuatu yang boleh menyambung atau menyampaikan kepada sesuatu yang lain atau boleh mendekatkannya. Kata jamaknya ialah *wasail* (Ibn al-Athir 1997, 5: 161). Ada yang menyatakan *wasilah* ialah kedudukan di sisi Allah s.w.t. dan juga mendekatkan diri kepada-Nya (Ibn Manzur 1994, 11: 724-725). Pengertian ini berdasarkan firman Allah s.w.t. dalam surah al-Isra', ayat 57:

أُولَئِكَ الَّذِينَ يَدْعُونَ يَبْتَغُونَ إِلَىٰ رَبِّهِمُ الْوَسِيلَةَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ وَيَرْجُونَ رَحْمَتَهُ وَيَخَافُونَ

عَذَابَهُ إِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ كَانَ مَحْذُورًا

Maksudnya:

Orang-orang yang mereka seru itu, mereka sendiri mencari jalan kepada Tuhan mereka siapa di antara mereka yang lebih dekat (kepada Allah) dan mengharapkan rahmat-Nya dan takut akan azab-Nya; Sesungguhnya azab Tuhanmu adalah suatu yang (harus) ditakuti.

Manakala dari segi istilah, *wasilah* ialah sesuatu yang digunakan oleh pendakwah dalam pelaksanaan aktiviti dakwah. Sesuatu yang digunakan itu sama ada bersifat *maddi* atau *maknawi* (al-Bayanuni 1993: 282). Menurut Ibn Kathir pula, *wasilah* ialah sesuatu yang membawa kepada pencapaian sesuatu tujuan (1987, 2: 55). Kesimpulannya, *wasilah* dakwah ialah media atau saluran penyampaian isi dakwah samada yang berbentuk

*hissiyyah* atau pun *maknawiyyah* yang digunakan oleh pendakwah untuk menyampaikan mesej dakwah.

### KEPENTINGAN DAN KEBERKESANAN SURAT SEBAGAI WASILAH DAKWAH KEPADA PEMBESAR

Nabi s.a.w. telah menggunakan pelbagai *wasilah* untuk berdakwah kepada pembesar. Baginda dengan bijaksana mengambil kira semua hal dan keadaan sasaran dakwah untuk disesuaikan mengikut selayaknya. Antara *wasilah* dakwah tersebut ialah *murasalah* atau mengutus surat (Ali ibn Hafiz 2004: 273-289). *Wasilah* ini digunakan oleh Rasulullah s.a.w. kerana beberapa faktor, pertamanya faktor jarak, antara baginda dan sasaran dakwah terpisah dengan jarak yang jauh, yang tidak memungkinkan dakwah dengan bahasa lisan dan bersemuka (*interpesonal*). Pelaksanaan *wasilah* ini ialah dengan mengutus surat-surat dakwah yang menyeru sasaran kepada Islam melalui perwakilan yang dipilih oleh Nabi s.a.w.. Mengikuti kajian Muhammad ibn Sa'd dalam kitabnya *al-Tabaqat al-Kubra*, lebih kurang 100 pucuk surat yang telah dihantar oleh baginda Rasulullah s.a.w.. (t.th., 1: 258-291). Manakala 'Ali 'Abd al-Halim Mahmud pula menyatakan jumlah surat daripada baginda ialah lebih daripada 50 pucuk surat (1993, 1: 185).

Faktor kedua ialah suatu pembaharuan dalam pendekatan. Dakwah melalui *wasilah* surat ini merupakan satu transformasi yang dibawa oleh Nabi s.a.w. ke dalam masyarakat Arab, kerana pada masa tersebut penulisan masih belum diamalkan secara meluas di dalam masyarakat berbanding syair, khutbah dan peribahasa yang sudahpun meluas penggunaannya. Kedatangan Islam telah membawa perubahan, di mana Nabi s.a.w. walaupun tidak tahu membaca dan menulis, telah menggesa Muslimin agar belajar membaca dan menulis. Malah, baginda juga telah melantik beberapa orang penulis untuk menulis al-Quran dan surat-surat dakwah untuk dihantar kepada golongan pembesar ('Ali ibn Hafiz 2004: 273-274). Anas ibn Malik berkata (Baltaji 1993, 12: 454):

أن نبي الله صلى الله عليه وسلم كتب إلى كسرى وإلى قيصر وإلى النجاشي وإلى كل جبار  
يدعوهم إلى الله تعالى

Maksudnya:

Nabi s.a.w. telah mengutus surat kepada Kisra, Qaysar, al-Najashi dan maharaja-maharaja lain menyeru mereka agar beriman kepada Allah s.w.t..

(Muslim 1774)

Ketiganya, faktor pensyariatian penulisan dan ketinggian statusnya di dalam Islam. Penulisan telah menjadi satu mekanisme yang sangat ampuh untuk mencatat perkara-perkara penting seperti penulisan ilmu, Abu Hurayrah berkata (Ibn Hajar 1989, 1: 275):

ما من أصحاب النبي أحد أكثر حديثا عنه مني إلا ما كان من عبد الله بن عمرو فإنه كان يكتب  
ولا أكتب

Maksudnya:

Tiada seorang pun di antara sahabat Nabi s.a.w. yang lebih banyak mengumpulkan hadis berbanding diri ku, kecuali 'Abd Allah ibn 'Amru. Ini kerana beliau menulis hadis-hadis manakala aku tidak menulis.

(al-Bukhari 113)

Begitu juga penulisan wasiat, sebagaimana sabda Nabi s.a.w. dalam hadis riwayat al-Bukhari (Ibn Hajar 1989, 5: 447):

ما حق امرئ مسلم له شيء يوصى فيه يبيت ليلتين إلا ووصيته مكتوبة عنده

Maksudnya:

Bukanlah perkara yang benar bagi seorang Muslim yang memiliki suatu kekayaan yang akan diwasiatkan, maka setelah berlalu dua malam, melainkan wasiatnya tertulis di sisinya.

(al-Bukhari 2738)

Hadis-hadis di atas, selain menegaskan tentang kepentingan penulisan dalam syariat Islam ia juga membuktikan pensyariatannya.

Manakala faktor keempat pula ialah penulisan surat mempunyai kesan tersendiri terhadap jiwa manusia. Ada kalanya manusia tidak mampu memahamkan hasrat hatinya kepada seseorang secara lisan. Namun dengan tulisan, ia dapat difahami oleh pembaca secara efektif. Tambahan pula, dengan penulisan surat, pendakwah mampu memilih lafaz, tata bahasa (bentuk kata dan susunan perkataan) dan kosa kata bahasa penulisannya dengan yang betul dan tepat. Dan faktor terakhir, surat memberi ruang dan peluang kepada sasaran dakwah membacanya dengan teliti dan berulang-ulang.

Hasil daripada penggunaan *wasilah murasalah* ini, sebahagian pembesar telah menerima Islam manakala sebahagian yang lainnya telah memperlihatkan sikap toleransi terhadap dakwah. Begitu juga ia telah berjaya mendedahkan pendirian para golongan pembesar tersebut terhadap dakwah Islamiah. Secara umumnya, dakwah melalui *wasilah murasalah* kepada golongan pembesar yang diaplikasikan oleh Nabi s.a.w. telah membuahkan banyak kejayaan, di mana dengan pelbagai respon yang diterima telah membantu Daulah Islamiah yang dipimpin oleh Nabi s.a.w. merangka dan melaksanakan manhaj yang berkesan sama ada dari sudut politik mahupun ketenteraan (Al-Sallabi 2004, 2: 348).

Kesimpulannya, bahasa merupakan sistem simbol, baik berupa ucapan mahupun tulisan yang diguna oleh manusia - sebagai anggota kelompok sosial dan pelaku budaya - untuk berkomunikasi (Ibn Khaldun 1979, 1: 81). Tidak dapat dinafikan bahawa komunikasi menerusi bahasa lisan merupakan *wasilah* dakwah yang paling berkesan. Namun, seseorang pendakwah tidak boleh hanya memadai dengan penggunaan *wasilah* tersebut, samada dakwah secara peribadi mahu pun umum seperti dalam seminar dan seumpamanya, atau pun dengan hanya memberi hadiah buku dan kaset. Sebaliknya dakwah melalui bahasa tulisan khususnya penulisan surat perlu diberi

keutamaan walau pun sasaran dakwah berada dalam julat jarak yang dekat. Ini kerana, penulisan surat mempunyai kesan tersendiri terhadap jiwa manusia sebagaimana yang telah dijelaskan.

### **Pengajaran daripada Aspek Dakwah yang Bersangkutan dengan Wasilah *Murasalah*:**

Perlaksanaan dakwah *murasalah* Nabi s.a.w. kepada pembesar berlaku melalui dua jenis alat komunikasi verbal iaitu: Bahasa Tulisan dan Bahasa Lisan

#### **1. Komunikasi Verbal Melalui Bahasa Tulisan**

Nabi s.a.w. telah mengutus surat kepada para pembesar melalui wakil baginda, menyeru mereka agar menerima Islam. Antara surat tersebut ialah:

##### **a. Surat Nabi s.a.w. kepada Pembesar al-Bahrayn**

Rasulullah s.a.w. telah mengutuskan al-'Ala' ibn al-Hadrami membawa surat kepada al-Mundhir Ibn Sawa al-'Abdi pembesar al-Bahrayn untuk menyerunya kepada Islam, sebelum peristiwa pembukaan kota Mekah. Al-Mundhir telah menyambut utusan serta surat Nabi s.a.w. dengan mesra serta membalasnya dengan baik sambil mengisytiharkan keislamannya. Semua penduduk al-Bahrayn yang berbangsa Arab dan sebahagian yang berbangsa asing telah mengikuti baginda menganut agama Islam. Surat Nabi s.a.w. (Ibn Hajar al-'Asqalani 1991, no. 6175, 498):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

من محمد رسول الله، إلى المنذر بن ساوى: سلام على من اتبع الهدى، أما بعد: فإني أدعوك إلى الإسلام، فأسلم تسلم، وأسلم يجعل الله لك ما تحت يديك، واعلم أن ديني سيظهر إلى منتهى الخف والحافر.

Terjemahan surat:

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang daripada Muhammad pesuruh Allah kepada al-Mundhir ibn Sawa, salam ke atas yang mengikuti hidayah, adapun selepasnya, maka aku menyeru kamu dengan seruan Islam, peluklah Islam nescaya kamu selamat, peluklah Islam nescaya Allah akan kekalkan pemerintahan kamu, ketahuilah bahawa agamaku ini akan tampil ke akhir tempat tersampainya pecutan kuda dan langkah unta.

##### **b. Surat Nabi s.a.w. kepada Pembesar 'Uman.**

Rasulullah s.a.w. telah mengutuskan 'Amru ibn al-'As membawa surat kepada Jayfar ibn al-Julandi dan 'Abd ibn al-Julandi menyeru mereka kepada Islam. Surat Nabi s.a.w. (Ibn Sayyid al-Nas 1980, 2: 340 dan Ibn Qayyim al-Jawziyyah 1992, 3: 693):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

من محمد بن عبد الله، إلى جيفر وعبد ابني الجولندي، سلام على من اتبع الهدى. أما بعد: فإني أدعوكما بدعاية الإسلام، أسليما تسلما، فإني رسول الله إلى الناس كافة، لأنذر من كان حيا، ويحق القول على الكافرين، وإنكما إن أقررتما بالإسلام وليتكما، وإن أبيتما أن تُقرّا بالإسلام فإن مُلككما زائل عنكما، وخيلي تحل بساحتكما، وتظهر بُؤّي على ملككما.

Terjemahan surat:

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang daripada Muhammad ibn 'Abd Allah kepada Jayfar dan 'Abd ibn al-Julandi, salam ke atas yang mengikuti hidayah, adapun selepasnya, maka aku menyeru kamu berdua dengan seruan Islam, peluklah Islam nescaya kamu berdua selamat, sebenarnya aku ini utusan Allah kepada manusia sejagat untuk memberi *indhar* atau peringatan kepada yang masih hidup dan menegaskan kata benar kepada kaum kafir, sekiranya kamu berdua akur menerima Islam aku terus letakkan kamu berdua sebagai penguasanya, dan sekiranya kamu enggan untuk menerima Islam maka kerajaan kamu berdua akan luput, di mana kuda-kudaku akan melewati perkarangan kamu berdua dan di hari itu terbukti kenabianku mengatasi pemerintahan kamu berdua.

### c. Surat Nabi s.a.w. kepada Pembesar al-Yamamah.

Rasulullah s.a.w. telah mengutuskan Salit ibn 'Amru al-'Amiri membawa surat kepada Hawdhah ibn 'Ali al-Hanafi menyerunya kepada Islam. Surat Nabi s.a.w. (Al-Ya'mari 1980, 2: 355 dan Ibn Qayyim al-Jawziyyah 1992, 3: 696):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

من محمد رسول الله، إلى هُوذَةَ بن علي، سلام على من اتبع الهدى، واعلم أن ديني سيظهر إلى منتهى الخف والحافر، فأسلم تسلم، وأجعل لك ما تحت يديك.

Terjemahan surat:

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang daripada Muhammad Pesuruh Allah kepada Hawdhah ibn 'Ali, salam kepada yang mengikuti hidayah, ketahuilah bahawa agama ku ini akan tampil ke akhir tempat tersampainya pecutan kuda dan langkah unta, peluklah Islam engkau akan selamat, segala milik engkau akan kekal untuk engkau.

#### d. Surat Nabi s.a.w. kepada Pembesar al-Yaman

Rasulullah s.a.w. telah mengutuskan al-Muhajir ibn Abi Umayyah al-Makhzumi membawa surat kepada al-Harith ibn 'Abd Kulal al-Himyari pembesar al-Yaman menyerunya kepada Islam. Surat Nabi s.a.w. (Ibn Sa'd t.th., 1: 282):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

من محمد رسول الله إلى الحارث، سلم أنتم ما آمنتم بالله ورسوله، وأن الله وحده لا شريك له بعث موسى بآياته، وخلق عيسى بكلماته، قالت اليهود: عزيز ابن الله، وقالت النصارى: الله ثالث ثلاثة، عيسى ابن الله.

Terjemahan surat:

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang daripada Muhammad Pesuruh Allah kepada al-Harith, salam sejahtera kepada kamu semua hingga kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya. Tidak diraguragukan lagi Allah adalah Yang Maha Unik yang tiada sekutu dengan-Nya. Dia telah menghantar Musa a.s dengan mukjizat dan telah menciptakan 'Isa a.s dengan kalimah-Nya. Tetapi orang Yahudi berkata bahawa 'Uzayr anak Allah dan orang Kristian berkata bahawa 'Isa a.s anak Allah dan ia adalah satu daripada tiga.

#### e. Surat Nabi s.a.w. kepada Raja al-Habshah

Rasulullah s.a.w. telah mengutuskan 'Amru ibn Umayyah al-Dumayri membawa surat kepada al-Najashi pembesar al-Habshah menyerunya kepada Islam. Surat Nabi s.a.w. (Ibn Qayyim al-Jawziyyah 1992, 3: 689):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

من محمد رسول الله، إلى النجاشي ملك الحبشة، أسلم أنت، فإني أحمد إليك الله الذي لا إله إلا هو الملك القدوس السلام المؤمن المهيمن، وأشهد أن عيسى بن مريم روح الله وكلمته ألقاها إلى مريم البتول الطيبة الحسنة، فحملت بعيسى، فخلق الله من روحه ونفخه، كما خلق آدم بيده، وإني أدعوك إلى الله وحده لا شريك له، والموالاتة على طاعته، وأن تتبعني، وتؤمن بالذي جاءني، فإني رسول الله، وإني أدعوك وحنودك إلى الله عز وجل، وقد بلغت ونصحت، فاقبلوا نصيحتي، والسلام على من اتبع الهدى.

### Terjemahan Surat:

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Daripada Muhammad Rasulullah s.a.w. kepada al-Najashi (Negus) Yang DiPertuan Agung negara Habshah, salam sejahtera ke atas orang yang mengikuti hidayah. Adapun selepas itu, bahawa sesungguhnya daku memuji-Mu Allah yang tiada Tuhan melainkan Dialah Tuhan yang merupakan Pemerintah seluruh alam. Dia suci dan bebas (dari segala kecacatan, kekurangan, kelemahan atau kealpaan) al-Malik, al-Quddus, al-Salam, al-Mu'min, al-Muhaimin, dan daku mengaku bahawa Isa (Jesus) a.s adalah anak kepada Maryam, yang merupakan Ruh Allah dan kelebihan-Nya, yang dicampak kepada Maryam yang tulus murni, dan suci, maka dengannya beliau mengandung Isa a.s dari ruh-Nya dan tiupan-Nya, seperti mana dicipta Adam a.s dengan tangan-Nya, dan kini aku menyeru kamu kepada Allah yang Esa tiada sekutu bagi-Nya, memberi ketaatan kepada-Nya, hendaklah kamu mengikutiku, dan beriman dengan risalahku, sesungguhnya aku adalah utusan Allah. Aku mengajak kau dan tentera kau kepada Allah s.w.t.. Sebenarnya telah pun kusampaikan dan menasihati, maka terimalah nasihatku ini, dan selamat sejahteralah ke atas orang yang mengikut hidayah.

### f. Surat Nabi s.a.w. kepada Raja Rom

Rasulullah s.a.w. telah mengutuskan Dihyah ibn Khalifah al-Kalbi membawa surat kepada Heraql pembesar Rom menyerunya kepada Islam. Surat Nabi s.a.w. (Ibn Hajar al-'Asqalani 1989, 6: no. 2941, 135-137 dan Baltaji 1993, 12: no. 1773, 447-452):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

من محمد عبد الله ورسوله، إلى هرقل عظيم الروم. سلام على من اتبع الهدى. أما بعد: فإني أدعوك بدعاية الإسلام، أسلم تسلم، أسلم يؤتكَ اللهُ إجرَكَ مرتين، فإن توليت فعليك إثم الأريسيين. و" يا أهل الكتاب تعالوا إلى كلمة سواء بيننا وبينكم ألا نعبد إلا الله ولا نشرك به شيئاً ولا يتخذ بعضنا بعضاً أرباباً من دون الله فإن تولوا فقولوا اشهدوا بأنا مسلمون".

### Terjemahan Surat:

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Daripada Muhammad hamba Allah dan utusan-Nya kepada Heraql pembesar Rom. Selamat sejahteralah ke atas mereka yang mengikuti petunjuk. Ada pun selepas itu, aku mengajak kamu ke dalam pangkuan Islam. Jadi, jika kamu mahukan keselamatan, terimalah Islam, Allah akan memberi ganjaran berganda kepada kamu dan jika kamu enggan menurutinya, maka engkau memikul beban dosa golongan Arisin. Wahai ahli kitab! Marilah kamu kepada kalimah yang bersamaan di antara kami dan kamu, bahawa tiada yang kita sembah kecuali Allah dan tidak kita mempersekutukan-Nya dengan sesuatu pun dan tidak sesetengah kita mengangkat yang lain menjadi tuhan selain dari



Allah, kalau mereka berpaling, kamu katakanlah: “jadi saksilah kamu, bahawa kami orang-orang Islam”.

#### g. Surat Nabi s.a.w. Kepada Raja Parsi

Rasulullah s.a.w. telah mengutuskan ‘Abd Allah ibn Huzafah al-Sahmi membawa surat kepada Kisra pembesar Parsi menyerunya kepada Islam. Surat Nabi s.a.w. (Ibn Qayyim al-Jawziyyah 1992, 3: 688):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

من محمد رسول الله، إلى كسرى عظيم فارس، سلام على من اتبع الهدى وآمن بالله ورسوله،  
وشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له، وأن محمدا عبده ورسوله، أدعوك بدعاية الله، فإني أنا  
رسول الله إلى الناس كافة لينذر من كان حيا ويحق القول على الكافرين، أسلم تسلم، فإن أبيت  
فعليك إثم الجحوس .

Terjemahan Surat:

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Daripada Muhammad utusan Allah kepada Kisra pembesar Parsi, salam sejahtera ke atas mereka yang mengikuti hidayah, beriman dengan Allah dan Rasul-Nya dan bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah Yang Esa dan tiada sekutu bagi-Nya dan Muhammad itu hamba dan pesuruh-Nya, di sini ku menyerukan kau dengan seruan Allah, maka sesungguhnya aku adalah Rasulullah s.a.w. diutuskan kepada manusia sekalian, memberi *indhar* kepada sesiapa yang hidup, memberi kata benar kepada kaum kafir, anutilah Islam nescaya kau akan selamat, sekiranya kau menolak maka tanggunglah dosa-dosa penganut Majusi sekalian.

#### h. Surat Nabi s.a.w. kepada Pembesar Mesir

Rasulullah s.a.w. telah mengutuskan Hatib ibn Abi Balta'ah membawa surat kepada Muqawqis pembesar Mesir menyerunya kepada Islam. Surat Nabi s.a.w. (Ibn Qayyim al-Jawziyyah 1992, 3: 691):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

من محمد عبد الله ورسوله، إلى المقوقس عظيم القبط، سلام على من اتبع الهدى، أما بعد: فإني  
أدعوك بدعاية الإسلام، أسلم تسلم، وأسلم يؤتتك الله أجرك مرتين، فإن توليت، فإن عليك إثم

القبط (يا أهل الكتاب تعالوا إلى كلمة سواء بيننا وبينكم ألا نعبد إلا الله ولا نشرك به شيئا ولا يتخذ بعضنا بعضا أربابا من دون الله فإن تولوا فقولوا اشهدوا بأنا مسلمون).

Terjemahan Surat:

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Daripada Muhammad hamba Allah dan utusan-Nya kepada al-Muqawqis, pembesar Qibti. Salam sejahtera ke atas yang mengikut hidayah. Adapun selepas itu, maka aku menyeru kamu dengan seruan Islam, anutilah Islam nescaya selamatlah tuan, anutilah Islam nescaya Allah berikan tuan dua pahala, kalau tuan berpaling tadah, maka tanggunglah dosa orang Qibti semuanya. Wahai ahli kitab! Marilah kita kepada suatu yang tidak ada perselisihan antara kami dan kamu, bahawa kita tidak sembah kecuali Allah dan kita tidak persekutukan-Nya dengan sesuatu dan tidak pula sebahagian kita menjadikan sebahagian yang lain sebagai tuhan melainkan Allah. Jika mereka berpaling, maka katakan kepada mereka: “saksikanlah, bahawa kami adalah hamba yang menyerahkan diri kepada Allah”

#### i. Surat Nabi s.a.w. Kepada Pembesar al-Ghassasinah

Rasulullah s.a.w. telah mengutuskan Shuja' ibn Wahab al-Asadi membawa surat kepada al-Harith ibn Abi Shimr pembesar al-Ghassasinah menyerunya kepada Islam. Surat Nabi s.a.w. (Ibn Qayyim al-Jawziyyah 1992, 3: 697):

بسم الله الرحمن الرحيم، من محمد رسول الله، إلى الحارث ابن أبي شمر: سلام على من اتبع الهدى، وآمن بالله وصدق، وإني أدعوك إلى أن تؤمن بالله وحده لا شريك له، ويبقى لك ملكك.

Terjemahan surat:

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, daripada Muhammad pesuruh Allah kepada al-Harith ibn Abi Shimr, salam ke atas yang mengikut hidayah, beriman dan mempercayai-Nya, sebenarnya ku menyeru kamu supaya beriman dengan Allah Yang Esa yang tiada sekutu bagi-Nya dan pemerintahan kamu akan kekal.

#### Tatacara Nabi s.a.w. Menulis Surat Dakwah

Bagi memastikan dakwah yang disampaikan kepada pembesar melalui wasilah *murasalah* berkesan, Nabi s.a.w. telah menyampaikan mesej dakwah secara jelas di samping menggunakan perkataan-perkataan tertentu samada sebagai pembuka dan penamat bicara ataupun ganti nama pendakwah dan mad'u seperti berikut:

1. Nabi s.a.w. memulakan surat dengan lafaz *bismillah* walaupun sasaran dakwah baginda bukan Islam.

2. Nabi s.a.w. menyatakan secara jelas nama sasaran dakwah di awal surat walaupun memadai dengan menyebut gelarannya sahaja seperti Heraql, Kisra dan al-Najashi. Jika sasaran dakwah ialah seorang raja, selepas menyebut gelaran atau namanya baginda mencatatkan perkataan pembesar kaum atau ketua kerajaan.
3. Nabi s.a.w. menggunakan perkataan saya dan juga kami sebagai ganti nama baginda.
4. Nabi s.a.w. memulakan surat dengan ucapan salam seperti "*salam ala man ittaba'a al-huda* bermaksud: salam ke atas yang mengikuti hidayah".
5. Nabi s.a.w. mengiringi ucapan salam dengan *tahmid* iaitu puji-pujian kepada Allah s.a.w. dan ada kalanya dilanjutkan dengan ucapan *tasyahhud*.
6. Nabi s.a.w., ada kalanya mengungkapkan "*amma ba'd* bermaksud: Ada pun selepas itu" sebelum memulakan maksud surat yang diutus.
7. Nabi s.a.w., ada kalanya mengakhiri surat dengan ucapan "*salam ala man ittaba'a al-huda* bermaksud: salam ke atas yang mengikuti hidayah".

Menjadi kebiasaan kepada penulis-penulis surat Nabi s.a.w. meletakkan nama-nama mereka di akhir surat sebagai saksi terhadap penulisan surat tersebut (Al-Qalqasyandi 1985, 6: 376-382).

### **Pengajaran dari aspek hukum yang boleh diambil daripada surat-surat Nabi s.a.w.:**

1. Sunat memulakan surat dengan salam.
2. Harus membawa al-Quran ke negara bukan Muslim. Namun ditegah jika dibimbangi berlaku sesuatu yang tidak dikehendaki terhadapnya daripada pihak musuh (al-Nawawi 1987, 12: 108).
3. Hendaklah menulis surat dengan berhemah dan bersederhana (al-Nawawi 1987, 12: 108).
4. Menggunakan aspek balaghah dan memilih memilih lafaz, tata bahasa (bentuk kata dan susunan perkataan) dan kosa kata bahasa penulisan yang hikmah (Ibn Hajar 1989, 1: 50).

## **2. Komunikasi Verbal Melalui Bahasa Lisan**

Bahasa dari sudut medianya memiliki dua bentuk iaitu bahasa lisan dan tulisan, yang paling awal daripada dua bentuk ini ialah bahasa lisan. Bahkan merupakan *wasilah* dakwah yang utama berdasarkan firman Allah s.w.t. di dalam surah al-Ahzab ayat 70:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اتَّقُوا اللّٰهَ وَقُولُوْا قَوْلًا سَدِيْدًا ﴿٧٠﴾

Maksudnya:

Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan katakanlah perkataan yang benar

Manakala manusia pada prinsipnya bertanggung jawab terhadap setiap percakapan dan pertuturannya sebagaimana firman Allah s.w.t di dalam surah Qaf ayat 18:

مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ اِلَّا لَدَيْهِ رَقِيْبٌ عَتِيْدٌ ﴿١٨﴾

Maksudnya:

Tiada suatu ucapanpun yang diucapkannya melainkan ada dekatnya malaikat pengawas yang selalu hadir.

Justeru itu, Allah s.w.t. telah mencipta manusia mempunyai ciri-ciri yang bersesuaian dengan prinsip tersebut. Firman Allah s.w.t di dalam surah al-Balad ayat 8-10:

أَلَمْ نَجْعَلْ لَهُ عَيْنَيْنِ ﴿٨﴾ وَلِسَانًا وَشَفَتَيْنِ ﴿٩﴾ وَهَدَيْنَاهُ النَّجْدَيْنِ ﴿١٠﴾

Maksudnya:

Bukankah kami telah memberikan kepadanya sepasang mata, lidah dan sepasang bibir dan kami telah menunjukkan kepadanya dua jalan

Oleh kerana bahasa lisan merupakan *wasilah* komunikasi dakwah utama yang sangat berkesan, Nabi s.a.w. telah menggunakan *wasilah* ini untuk berdakwah sebaik dilantik sebagai rasul. Baginda juga terus menggunakan *wasilah* ini ketika dalam proses melaksanakan dakwah secara *murasalah* kepada pembesar dengan cara memberi pesanan tertentu kepada wakil pembesar yang datang mengunjungi baginda untuk disampaikan kepada pembesar mereka. Antara bahasa lisan Nabi s.a.w. di dalam proses tersebut ialah pesanan baginda kepada kedua-dua wakil Bazan (Bazan ialah Gabenor Yaman yang merupakan proksi Kisra) (al-Tabari 2001, 2: 132-134):

(قولا: إن ديني وسلطاني سيبلغ ما بلغ ملك كسرى، وينتهي منتهى الخف والحافر، وقولا له: إنك إن أسلمت أعطيتك ما تحت يديك، وملكتك على قومك من الأبناء)

Maksudnya:

Katakan kepada pembesar kamu bahawa agama ku ini akan sampai sejauh sampainya kekuasaan Kisra dan akan berakhir ke akhir tempat tersampainya pecutan kuda dan langkah unta. Katakan kepadanya, peluklah Islam engkau akan selamat, segala milik engkau akan kekal untuk engkau.

### Kepentingan bahasa lisan dalam konteks dakwah

1. Semua nabi termasuk Nabi Muhammad s.a.w. telah menggunakan bahasa lisan untuk menyampaikan dakwah kepada kaum mereka. Firman Allah s.w.t. di dalam surah Ibrahim ayat 4:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانِ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ

Maksudnya:

Kami tidak mengutus seorang rasul pun, melainkan dengan bahasa kaumnya, supaya ia dapat memberi penjelasan dengan terang kepada mereka.

Firman Allah s.w.t. seterusnya di dalam surah Nuh ayat 10, menceritakan tentang dakwah lisan Nabi Nuh a.s.:

فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا ﴿١٠﴾

Maksudnya:

Maka Aku berkata kepada mereka: 'Mohonlah ampun kepada Tuhanmu, sesungguhnya Dia adalah Maha Pengampun'.

Begitu juga firman Allah s.w.t. tentang dakwah lisan Nabi Hud a.s. di dalam surah al-'Araf ayat 65:

﴿ وَإِلَىٰ عَادٍ أَخَاهُمْ هُودًا ۖ قَالَ يَبْقَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنِّ إِلَهِ غَيْرُهُ ۚ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴾

Maksudnya:

Dan (Kami telah mengutus) kepada kaum 'Aad saudara mereka, Hud. Dia berkata: "Hai kaumku, sembahlah Allah, sekali-kali tidak ada Tuhan bagimu selain dari-Nya. Maka mengapa kamu tidak bertakwa kepada-Nya?"

2. Perkataan (قل) di dalam al-Quran, tertera di tiga ratus tempat lebih. Malah kata terbitannya lebih banyak daripada itu (Said ibn Ali al-Qahtani, al-Hikmat fi al-Dakwah ila Allah: 126).
3. Bahasa lisan merupakan *wasilah* semulajadi atau fitrah majoriti manusia. Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Nahl, ayat 76.

﴿ وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا رَّجُلَيْنِ أَحَدُهُمَا أَبْكَمُ لَا يَقْدِرُ عَلَىٰ شَيْءٍ وَهُوَ كَلٌّ عَلَىٰ مَوْلَاهُ أَيْنَمَا

يُوجِّهُهُ لَا يُفِيدُهُ ۗ هَلْ يَسْتَوِي هُوَ وَمَنْ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَهُوَ عَلَىٰ صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴾

Maksudnya:

Dan Allah membuat (pula) perumpamaan: dua orang lelaki yang seorang bisu, tidak dapat berbuat sesuatupun dan dia menjadi beban atas penanggungnya, ke mana saja dia disuruh oleh penanggungnya itu, dia tidak dapat mendatangkan suatu kebajikanpun. Samakah orang itu dengan orang yang menyuruh berbuat keadilan, dan dia berada pula di atas jalan yang lurus?

4. Komunikasi dengan bahasa lisan biasanya terlaksana melalui dialog dan perbincangan (komunikasi dua hala). Namun bagi sesiapa yang memiliki keupayaan atau naluri untuk mengetahui impak ucapan lisannya melalui utusan (tidak hanya bergantung kepada tulisan) terhadap sasaran dakwah maka eloklah dilaksanakan cara yang sedemikian. Terutamanya apabila seseorang pendakwah itu mempunyai kemahiran seni komunikasi dakwah dan sasaran dakwah pula berada dalam suasana yang sesuai untuk menerima mesej (Ali 'Ajwah 1991, 36-37).
5. Komunikasi lisan ialah *wasilah* dakwah yang utama. Melaluinya pendakwah mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh golongan sasar dakwah. Komunikasi lisan membolehkan pendakwah menyampaikan dakwah secara langsung dan bersemuka dan sekaligus dapat mengenalpasti unsur-unsur yang boleh menarik sasaran. Begitu juga pendakwah berpeluang menyesuaikan bentuk komunikasi berdasarkan respon sasaran (Mabruk Muhammad 'Abd al-Sami' 1992, 368-372).

### **Panduan penggunaan bahasa lisan sebagai wasilah dakwah:**

1. Bahasa hendaklah menepati syariat
2. Mudah dan jelas serta tidak sukar
3. Bahasa hendaklah selari dengan amalan pengucapnya
4. Didahulukan dengan persediaan dan persiapan yang rapi
5. Tidak bersifat sombong dan takabur terhadap sasaran dakwah, sebaliknya berkomunikasi sebagai seorang penasihat yang penyayang
6. Berkomunikasi dengan lemah lembut, menggunakan uslub hikmah, nasihat dan dialog yang baik

### **KESIMPULAN**

Terdapat kepelbagaian *wasilah* dakwah kepada pembesar. Namun *wasilah murasalah* dianggap sebagai *wasilah* dakwah yang paling berkesan berbanding *wasilah-wasilah* dakwah yang lain. Dakwah *murasalah* Nabi s.a.w. kepada golongan pembesar merangkumi pelbagai bangsa dan agama iaitu, Islam, ahli kitab (Kristian dan Yahudi), Majusi dan Musyrik. Rasulullah s.a.w. telah menulis surat kepada mereka dengan bahasa yang mudah difahami, berfakta, realistik dan tidak mengandungi retorik, berjela-jela dan terlalu berbunga. Namun kandungan surat amat menyakinkan, memberi kesan dan menghubungkan hati ke hati. Si penerima diajak supaya meninggalkan apa yang salah dan menerima yang benar. Surat-surat tersebut dengan jelasnya menampilkan kesahihan, kebenaran, kejujuran, keteguhan dan komitmen dan memberi kesan yang mendalam kepada hati dan jiwa. Pada masa yang sama surat tersebut tepat, ringkas dan padat. Suatu kualiti yang menakjubkan mengenai surat-surat ini ialah walaupun selepas 14 kurun berlalu, kandungannya tetap mengekalkan kesegaran, kebijaksanaan dan keindahan yang berjaya menyeru kepada fikiran manusia. Ayat-ayatnya pendek dan ringkas, kelihatan seolah-olah mutiara-mutiara yang bergemerlapan telah memasukinya. Hanya sedikit nukilan agung penulisan dapat menyamai keindahan, keringkasan dan kejituan tulisan-tulisan yang jitu ini. Ia amat memberangsangkan.

### **BIBLIOGRAFI**

- 'Ali 'Ajwah (1991), *Mukaddimah fi wasail al-Ittisal*. Jeddah, al-Mamlakah al-Arabiyyah al-Saudiyyah: Maktabah Misbah.
- 'Ali 'Abd. Halim Mahmud (1993), *Fiqh al-Da'wah ila Allah*, c. 4. Al-Mansurah: Dar al-Wafa' li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- 'Ali 'Abd al-Hamid Baltaji (1994), *Sharh Sahih Muslim*. Bayrut: Dar al-Khayr.
- 'Ali ibn Hafiz ibn Salim al-Wadi'i (2004), "*Fiqh al-Da'wah fi Rasail al-Rasul S.A.W ila al-Muluk wa al-Umara*" (Tesis Master, Kuliah Dakwah, Universiti Tayyibah, Arab Saudi).
- 'Abd al-Karim Zaydan (1991), *Usul al-Da'wah*, c. 4. Baghdad: Maktabah al-Quds.
- Al-Bayyanuni, Muhammad Abu al-Fath (1993), *al-Madkhal ila 'Ilm al-Da'wah*, c. 2. Bayrut: Muassasah al-Risalah

- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan (t.t), *Fiqh al-Sirah*, c. 7. T.T.P.: T.P.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhy al-Din Yahya (1987), *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, c. 1. Kaherah: Dar al-Rayyan li al-Turath.
- Fathi Yakan (1977), *Kayf Nad'u ila al-Islam*, Bayrut: T.P..
- Ibn al-Athir al-Jazari (1997), *al-Nihayah fi Gharib al-Hadis wa al-Athar*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Ibn Hajar al-'Asqalani, al-Imam al-Hafiz Shihab al-Din Ahmad ibn 'Ali (1989), *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Kathir al-Dimashqi, Abu al-Fida' Isma'il (1987), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Khaldun al-Hadrami, 'Abd al-Rahman ibn Muhammad (1979), *al-Muqaddimah*. Bayrut: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- Ibn Sa'd, Muhammad (t.t), *al-Tabaqat al-Kubra*. Bayrut: Dar Sadir
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Shams al-Din Muhammad ibn Abi Bakr (1992), *Zad al-Ma'ad fi Hady Khayr al-'Ibad*, Shu'ayb al-Arna'ut dan 'Abd al-Qadir al-Arna'ut (tahqiq), c. 26. Bayrut: Muassasah al-Risalah
- Ibn Sayyid al-Nas al-Ya'mari, Abu al-Fath ibn Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad (1980), *'Uyun al-Athar fi Funun al-Maghazi wa al-Shamail wa al-Sayr*, Lajnah Ihya' al-Turath al-'Arabi fi Dar al-Afaq al-Jadidah (tahqiq), c. 2. Bayrut: Manshurat Dar al-Afaq al-Jadidah
- Ibn Manzur al-Afriqi al-Misri, Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad ibn Mukram (1994), *Lisan al-'Arab*, c. 3. Bayrut: Dar Sadir
- Mabruk Muhammad 'Abd al-Sami' (1992), *Sufara' al-Nabi wa Juhuduhum wa Athar hazihi al-Juhud fi al-Dakwah*. T.T.P: T.P
- Al-Qalqashandi, Abu al-'Iyad Ahmad ibn 'Ali (1985), *Subh al-A'sha fi Sina'ah al-Insha'*. Dimashq: Dar al-'Ilm
- Said bin Ali bin Wahab al-Qahtani (t.t), *al-Hikmah fi al-Dakwah ila Allah*. T.T.P: T.P
- Al-Sallabi, 'Ali Muhammad Muhammad (2004), *al-Sirah al-Nabawiyyah 'Ard Waqai' wa Tahlil Ahdath Durus wa 'Ibar*. Al-Mansurah: Dar al-Yaqin
- Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad ibn Jarir (2001), *Tarikh Umam wa al-Muluk*, c. 1. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Al-Ya'mari, Ibn Sayyid al-Nas, Abu al-Fath ibn Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad (1980), *'Uyun al-Athar fi Funun al-Maghazi wa al-Shamail wa al-Sayr*, Lajnah Ihya' al-Turath al-'Arabi fi Dar al-Afaq al-Jadidah (tahqiq), c. 2. Bayrut: Manshurat Dar al-Afaq al-Jadidah.